

BAB TUJUH

KESIMPULAN

Jepun melalui globalisasi telah mengemukakan pemikiran dan pendekatan dalam usaha membina peradabannya. Pendekatan ini telah menyetengahkan peradaban Jepun dengan menjelaskan bahawa interaksi antara bangsa atau peradaban telah memberi satu hikmah atau pendedahan kepada masyarakatnya untuk menjadi lebih baik sama ada dalam memahami kebudayaan bangsa lain mahupun mempertingkatkan lagi segala aspek kehidupan mereka.

Kefahaman mengenai globalisasi sebagaimana yang diterangkan oleh para sarjana sangat penting dalam usaha pembinaan peradaban Jepun. Ini jelas terbukti apabila peradaban Jepun semakin mantap pada setiap peringkat perhubungannya dengan dunia luar. Pertamanya dengan negara China pada sekitar abad ke-7 dan Barat pada zaman Meiji (1868).

Globalisasi adalah suatu yang signifikan bagi masyarakat Jepun semenjak daripada awal pembentukan peradabannya sehinggalah kini. Ini dapat dilihat melalui perubahan-perubahan aspek kehidupan yang mereka lalui sama ada dari segi ekonomi, politik, sosial mahupun kebudayaannya.

Globalisasi ini telah memberi Jepun suatu pembaharuan, yang mana peradaban luar telah diadaptasi dengan rapi dan ia tidak dilihat sebagai suatu kejutan terhadap masyarakat Jepun dan dilaksanakan dengan penuh hikmah dan sesuai dengan perubahan zaman. Di awal gelombang globalisasi ini, peniruan lebih tertumpu kepada aspek pertanian, agama dan kebudayaan. Namun di peringkat keduanya iaitu di tahap pemodenan Jepun di zaman Meiji, Jepun lebih banyak atau tertumpu pada aspek ilmu, teknologi, ekonomi dan ketenteraan.

Sebagai kesimpulannya, bolehlah dikatakan globalisasi telah memainkan peranan yang penting dalam peradaban Jepun. Globalisasi telah berjaya membina peradaban Jepun berdasarkan reaksi positif dan sambutan masyarakat Jepun terhadap peradaban dan kebudayaan luar. Misalannya cara hidup dan politik masyarakat Yayoi (7M) yang berubah secara drastik dengan pengetahuan penghasilan padi yang dipengaruhi daripada negara China.

Dengan adanya tanaman padi yang sistematik, menyebabkan wujudnya perbezaan dalam hierarki masyarakat iaitu setelah adanya amalan menyimpan beras dan hasil-hasil pertanian yang lain berkembang. Ketika itu, sesiapa yang memiliki padi yang banyak, mereka adalah tergolong dalam golongan orang kaya manakala mereka yang tidak memiliki padi dianggap sebagai orang miskin.

Maka perbezaan yang wujud ini di antara pemerintah dan rakyat menyebabkan lebih ramai pemimpin-pemimpin politik muncul di Jepun seperti Yamato dan Kyushu. Dengan itu, wujud ketua puak-puak dan ketua agama yang dikenali sebagai Ketua Uji. Setiap Ketua Uji bertanggungjawab kepada tugas-tugas penting seperti ketenteraan, kesamian, pertanian, pertukangan dan perkhidmatan-perkhidmatan yang diperlukan di istana.

Kejayaan globalisasi juga antara lain disebabkan cara kehidupan dan sifat orang Jepun itu sendiri yang terbentuk daripada sejarah negara itu sendiri, iaitu sekurang-kurangnya semenjak zaman Nara, bangsa Jepun telah memperkembangkan suatu kebudayaan yang hampir seragam sifatnya tanpa mengalami apa-apa perubahan secara besar-besaran bangsa luar atau penaklukan musuh.

Hanya setelah Perang Dunia Kedua, buat pertama kalinya Jepun mengalami pendudukan tentera asing. Sejarah seperti ini telah memberikan suatu ciri yang dinamakan oleh Takeo Kuwahara sebagai "kestabilan terpencil" kepada budaya Jepun. Selama seribu tahun bangsa Jepun tidak mengalami apa-apa perhubungan dengan negara luar, meskipun Jepun dikelilingi oleh rantau yang beraneka ragam.

Dalam terbitan berkala Nihon, Yoshio Masuda telah menerbitkan sebuah esei yang berjudul “Nihon bungka no-Junshi – sei” (Ketulenan budaya Jepun) yang mentakrifkan budaya Jepun dengan menggunakan perkataan ‘ketulenan’. Para antarapologi lain berpendapat bahawa kandungan budaya Jepun kompleks dan beraneka ragam, hasil daripada proses asimilasi yang berlaku dengan sebegitu mudah dengan tamadun Eropah atau dengan apa-apa sahaja tamadun hingga menyebabkan budaya Jepun terdiri daripada pelbagai unsur asing.

Tetapi jika dibandingkan dengan bangsa Eropah, akan kita dapati bahawa bangsa Jepun merupakan suatu contoh yang luar biasa tentang satu bangsa yang mengekalkan ciri kesejenisan yang berterusan sejak purba meskipun sewaktu mengasimilasikan unsur asing dan terus berpuas hati semasa mengalami proses tersebut. Budaya Jepun tidak mengalami kesukaran akibat penaklukan atau pelanggaran tetapi telah berkembang dalam suasana yang selamat dan terselindung.

Oleh sebab itu, dalam zaman Negeri-negeri Berperang dan apabila berlaku sedikit sebanyak perhubungan dengan peradaban Barat, bangsa Jepun begitu berminat untuk menerima apa-apa sahaja yang luar biasa atau apa-apa sahaja yang dapat memberikan manfaat, berasaskan andaian bahawa jika mereka mempunyai wang mereka patut membelinya kerana mungkin suatu hari nanti akan ada gunanya.

Mengikuti catatan para mubaligh Sepanyol, pada zaman Hideyoshi, bangsa Jepun yang tidak beragama Kristian pun turut membawa tasbih yang digunakan dalam upacara sembahyang agama Kristian sebagai kelengkapan. Begitu juga dengan salib yang dianggap sebagai perhiasan. Dengan kata lain, sejak dahulu kala lagi bangsa Jepun telah peka kepada budaya asing dan dengan cepat mengasimilaskannya.

Sememangnya pengadaptasian oleh masyarakat Jepun adalah kerana 'ketulenan' budaya Jepun, meskipun budaya itu dengan cepatnya dapat mengasimilasikan ciri budaya asing. Malah mungkin keterasingan dan ketulenan inilah yang menyebabkan bangsa Jepun dapat terus menerus mengasimilasikan budaya asing dengan sebegitu cepat tanpa berasa ragu.

Dalam antropologi, perkataan 'endogami' sering digunakan . Di Jepun, institusi pemilihan teman hidup dari kalangan kelompok tertentu seperti komuniti, kampung atau kelompok kekeluargaan, disebut zokunai-kon atau naikon-sei. Jika konsep ini kita gunakan terhadap negeri Jepun, akan kita dapati bahawa negeri Jepun sebagai suatu negara bangsa Jepun secara keseluruhannya merupakan bangsa yang amat bersifat 'endogami'.

Terdapat satu aliran umum bahawa daya hidup dan kecergasan ras akan hilang di kalangan bangsa yang hanya mengamalkan perkahwinan antara sesama keluarga atau endogami secara mutlak, tetapi hal ini tidak berlaku di kalangan bangsa Jepun. Mereka tampaknya mempunyai sifat yang berlawanan dengan sifat bangsa yang mengamalkan 'endogami' kerana mereka ini dengan cepat dapat mengasimilasikan unsur kebudayaan baharu dari luar.

Barangkali sifat inilah yang mengekalkan kesegaran daya hidup Jepun itu. Begitu juga dengan perkara yang berkaitan logik dan retorik yang tidak berkembang di negeri Jepun sebagaimana kata-kata Takeo Kuwahara, bahawa bangsa Jepun tidak berdepan dengan keperluan untuk memperkembangkan logik atau retorik jenis Barat.

Dalam masyarakat yang bersifat *endogami*, pemahaman tidak bergantung kepada percakapan, sebaliknya perhubungan dapat diwujudkan melalui pemahaman bersama bangsa Jepun, tanpa menggunakan kata-kata. Antara pengamatan yang dapat dilihat daripada pengaruh globalisasi terhadap peradaban Jepun yang bersifat unik ini ialah penambahan ilmu pengetahuan dan pengkayaan kebudayaan Jepun itu sendiri.

Misalnya ketika Jepun mengalami proses interaksi terawal (globalisasi) dengan negara luar iaitu negara China sehingga telah dapat mencapai tahap peradaban yang tinggi. Hasil interaksi atau perhubungan dengan China secara tidak langsung telah membawa unsur-unsur kebudayaan dari negara China antaranya dalam aspek kesusasteraan, tulisan dan juga aspek kesenian China di Jepun.

Jika kita halusi, kekuatan peradaban Jepun ialah pada sifatnya yang menerima dan memberi. Dalam konteks globalisasi, difahami sebagai pertembungan peradaban luar dengan peradaban Jepun yang sedia ada seterusnya membentuk ciri-ciri peradaban yang sangat unik dan dinamik, iaitu sentiasa berubah mengikut keadaan semasa tanpa mencemarkan kebudayaan atau jati diri Jepun.

Walaupun globalisasi ini telah melanda sejak lama dulu namun cabarannya dan kepesatannya lebih hebat berlaku di abad ke-21 berbanding di abad 7 dan 8 iaitu abad Jepun mula menerima pengaruh luar yang pertama. Memang disedari cabaran globalisasi dan implikasi terhadap ekonomi, budaya, ilmu dan teknologi adalah luas dan mempunyai kesan yang negatif dan positif. Namun penerimaan bangsa Jepun terhadap perubahan sentiasa difikir dan diterima secara positif dan membina untuk kemajuan diri, keluarga, agama, bangsa dan negara.

Dengan itu, dengan kemampuan dan usaha masyarakat Jepun yang pro aktif dapat dikemukakan bagaimana pengaruh globalisasi ini memainkan peranan yang penting terhadap peradaban Jepun. Namun hakikatnya atau sebetulnya ialah akan berlaku penemuan-penemuan baru dan juga bukti-bukti baru yang mungkin dapat mengubah atau menambah perolehan kajian ini. Sehubungan itu adalah satu keperluan dibuat kajian yang dapat memberi manfaat kepada masyarakat sejagat.